



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN
SUKU TAHUN KEDUA 2026**

**Sentimen perniagaan mereda pada suku kedua 2026,
dicerminkan oleh Petunjuk Keyakinan -1.8 peratus.**

PUTRAJAYA, 26 MEI 2026 – Peniaga menjangkakan prospek perniagaan yang lebih sederhana pada suku kedua 2026 dengan Petunjuk Keyakinan yang mereda kepada -1.8 peratus daripada +4.0 peratus pada suku sebelumnya (**Paparan I**). Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Kedua 2026**. Penerbitan ini membentangkan jangkaan mengenai prestasi perniagaan untuk tiga dan enam bulan akan datang. Statistik ini diperoleh daripada Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Sektor Pembinaan, Perdagangan Borong & Runcit serta Industri menjangkakan prestasi perniagaan yang kurang memberangsangkan pada suku kedua tahun 2026, mencerminkan sikap berhati-hati dalam kalangan peniaga berikutan persekitaran perniagaan yang mencabar serta ketidaktentuan ekonomi global. Sementara itu, sektor Perkhidmatan terus mengekalkan prospek yang positif bagi suku kedua 2026, didorong oleh pelaksanaan berterusan langkah sokongan kerajaan yang membantu mengekalkan kuasa beli pengguna serta menyokong aktiviti perniagaan, khususnya dalam sektor Perkhidmatan yang berteraskan permintaan domestik".

Sektor Pembinaan bertukar pesimis dengan petunjuk keyakinan -9.5 peratus pada suku kedua 2026 berbanding +1.4 peratus pada suku sebelumnya. Petunjuk keyakinan untuk sektor Perdagangan Borong & Runcit menurun kepada -7.5 peratus pada suku rujukan. Selain itu, sektor Industri juga meramalkan prestasi yang kurang memberangsangkan dengan petunjuk keyakinan -3.7 peratus berbanding +3.3 peratus yang dicatatkan pada suku pertama 2026. Manakala, sektor Perkhidmatan menjangkakan prestasi perniagaan mereka kekal optimis dengan petunjuk keyakinan +6.2 peratus berbanding +6.6 peratus pada suku sebelumnya" (**Paparan II**).

Jangkaan perniagaan yang bercampur-campur diperhatikan di seluruh negeri, mencerminkan kepelbagaian prospek ekonomi antara negeri. Johor mencatatkan petunjuk keyakinan +1.2 peratus, Kedah (+3.2%), Kelantan (+3.8%), Negeri Sembilan (+1.9%), Perak (+0.9%), Selangor (+0.2%) dan Terengganu (+5.5). Sebaliknya, beberapa negeri menunjukkan sentimen pesimis, dengan Melaka merekodkan -9.18 peratus, Pahang (-7.1%), Pulau Pinang (-5.2%), Perlis (-7.1%), Sabah (-7.6%), Sarawak (-5.9%), W.P. Kuala Lumpur (-2.8%), W.P. Labuan (-9.5%) dan W.P. Putrajaya (+2.3%) (**Paparan III**).

Melihat sentimen perniagaan bagi tempoh April hingga September 2026, peniaga kekal optimis, dengan imbalan bersih mereda kepada +7.9 peratus daripada +10.8 peratus yang direkodkan sebelum ini (**Paparan IV**). Sektor industri terus mencatatkan sentimen perniagaan yang positif, mencatatkan imbalan bersih sebanyak +13.0 peratus, meningkat daripada +6.2 peratus sebelumnya. Selain itu, sektor Perkhidmatan menjangkakan situasi perniagaan yang positif dalam tempoh enam bulan akan datang dengan imbalan bersih sebanyak +7.5 peratus berbanding +20.6 peratus yang direkodkan untuk tempoh Januari sehingga Jun 2026. Tinjauan positif dalam kedua-dua sektor Industri dan Perkhidmatan mencerminkan keadaan perniagaan yang menggalakkan untuk tempoh jangkaan. Sementara itu, sektor Pembinaan menjangkakan penurunan dalam perniagaan yang dicerminkan oleh imbalan bersih sebanyak -5.4 peratus berbanding +12.0 peratus yang direkodkan sebelumnya. Pada masa yang sama, sentimen yang lemah dicatatkan dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit, dengan imbalan bersih sebanyak -1.0 peratus berbanding +6.9 peratus sebelumnya (**Paparan V**).

Dari segi hasil kasar, 33.0 peratus peniaga mengunjurkan peningkatan dalam hasil kasar pada suku kedua tahun 2026. Pada masa yang sama, 43.0 peratus menjangkakan hasil kasar kekal tidak berubah, manakala 24.0 peratus meramalkan penurunan, menghasilkan imbalan bersih +9.0 peratus untuk suku rujukan (**Rajah VI**). Bagi pekerja, 14.7 peratus peniaga menjangkakan peningkatan dalam bilangan pekerja, manakala 75.8 peratus mengunjurkan untuk mengekalkan pekerja. Sementara itu, 9.5 peratus menjangkakan pengurangan, menjadikan imbalan bersih +5.3 peratus pada suku kedua tahun 2026 (**Rajah VII**).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian


ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 MEI 2026

Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2024 – 2026




Paparan II: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2025 – 2026




Paparan III: Petunjuk Keyakinan Mengikut Negeri bagi Suku Tahun Kedua

2026, Malaysia




Paparan IV: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan Bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2024 – 2026



Paparan V: Imbangan Bersih Suku Tahunan Mengikut Sektor, Malaysia, 2025 – 2026



Paparan VI: Imbangan Bersih Hasil Kasar Bagi Suku Tahun Kedua 2026




Imbangan Bersih

Meningkat

Sama

Merosot

Paparan VII: Imbangan Bersih Kasar Bilangan Pekerja bagi Suku Tahun Kedua 2026



Imbangan Bersih



Meningkat



Sama



Merosot



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUSINESS TENDENCY STATISTICS SECOND QUARTER 2026

Business sentiment eases in the second quarter of 2026, with Confidence Indicator of -1.8 per cent.

PUTRAJAYA, 26 MAY 2026 – Businesses are anticipating a softer outlook in the second quarter of 2026, with the Confidence Indicator easing to -1.8 per cent from +4.0 per cent in the previous quarter (**Exhibit I**). Department of Statistics Malaysia today released the **Business Tendency Statistics for the Second Quarter 2026**. This publication presents expectations regarding business performance for the upcoming three and six months. The statistics are derived from the Business Tendency Survey which is conducted quarterly.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, "Construction, Wholesale & Retail Trade and Industry sectors expect their business performance to be less favourable in the second quarter of 2026, indicating that businesses remain cautious amid the challenging business environment and uncertainties in the global economy. Meanwhile, the Services sector continues to maintain a positive outlook for the second quarter of 2026, to benefit from the continued government support measures which preserve consumers' purchasing power and facilitate business activities, particularly in domestic-driven Services sector".

Construction sector turns pessimistic with the confidence indicator registered -9.5 per cent in the second quarter of 2026 as compared to +1.4 per cent in the previous quarter. The confidence indicator for Wholesale & Retail Trade sector declines to -7.5 per cent in the reference quarter. Besides that, Industry sector also predicts discouraging performance with a confidence indicator of -3.7 per cent as against +3.3 per cent recorded in the first quarter of 2026. Whereas, Services sector expects their business performance remains optimistic with a confidence indicator of +6.2 per cent as compared to +6.6 per cent in the previous quarter (**Exhibit II**).

Mixed business expectations are observed across states, indicating varying economic prospects. Johor records a confidence indicator of +1.2 per cent, Kedah (+3.2%),

Kelantan (+3.8%), Negeri Sembilan (+1.9%), Perak (+0.9%), Selangor (+0.2%) and Terengganu (+5.5%). On the other hand, several states show pessimism, with Melaka registering -9.1 per cent, Pahang (-7.1%), Pulau Pinang (-5.2%), Perlis (-7.1%), Sabah (-7.6%), Sarawak (-5.9%), W.P. Kuala Lumpur (-2.8%), W.P. Labuan (-9.5%) and W.P. Putrajaya (-2.3%) (**Exhibit III**).

Looking at the business sentiment for the period of April to September 2026, businesses remain optimistic, with the net balance easing to +7.9 per cent from +10.8 per cent recorded previously (**Exhibit IV**). Industry sector continues to record positive business sentiment, recording a net balance of +13.0 per cent, up from +6.2 per cent previously. Moreover, Services sector anticipates positive business situation in the forthcoming six months with a net balance of +7.5 per cent as against +20.6 per cent recorded for the period of January until June 2026. The positive outlook in both Industry and Services sectors reflect favourable business conditions for the forecast period. Meanwhile, Construction sector foresees decline in businesses reflected by a net balance of -5.4 per cent as compared to +12.0 per cent recorded previously. Concurrently, subdued sentiment is recorded in the Wholesale & Retail Trade sector, with a net balance of -1.0 per cent compared to +6.9 per cent previously (**Exhibit V**).

In terms of gross revenue, 33.0 per cent of businesses anticipate an increase in gross revenue in the second quarter of 2026. At the same time, 43.0 per cent expect their gross revenue to remain unchanged, while 24.0 per cent foresee a decline, resulting in a net balance of +9.0 per cent for the reference quarter (**Exhibit VI**). As for employment, 14.7 per cent of businesses poise an increase in employment, while 75.8 per cent anticipate to maintain their workforce. Meanwhile, 9.5 per cent expect a reduction, contributing to a net balance of +5.3 per cent in the second quarter of 2026 (**Exhibit VII**).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 MAY 2026**



Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2024 – 2026**Exhibit II: Quarterly Confidence Indicator by Sector, Malaysia, 2025 – 2026**

Exhibit III: Confidence Indicator by State for the Second Quarter 2026, Malaysia




Exhibit IV: Net Balance of Business Performance Expectation For Upcoming Six Months, Malaysia 2024 – 2026





Exhibit V: Quarterly Net Balance by Sector, Malaysia, 2025 – 2026



Exhibit VI: Net Balance of Gross Revenue for the Second Quarter 2026




Net Balance

Higher

Same

Lower

Exhibit VII: Net Balance of Employment for the Second Quarter of 2026



Net Balance

Higher

Same

Lower